

VI

KESALAHAN JENAYAH

JADUAL 6

KESALAHAN JENAYAH BAGI NOVEMBER 1975-MAC 1976.

BULAN	TANGGUHAN BULAN LALU	BARU	SELESAI	DALAM TANGGUHAN
NOVEMBER	-	4	3	1
DISEMBER	1	2	3	-
JANUARI	-	3	3	-
FEBRUARI	-	3	2	1
MAC	-	3	2	1

Sumber: Pejabat Kadi.

Hitung panjang kesalahan jenayah dalam satu bulan ialah tiga kes dan juga tiga kes jenayah diselesaikan pada tiap-tiap bulan. Adalah diharapkan agar pihak Majlis lebih mempergiatkan lagi aktiviti-aktivitinya supaya pentadbiran undang-undang Islam lebih baik lagi. Dengan berbuat demikian, pihak Majlis mendapat dua keuntungan. Pertama-nya undang-undang Islam akan lebih dipatuhi, dan keduanya menambahkan

pendapatan Majlis hasil dari hukuman denda keatas pesalah-pesalah.

Walaupun sesaorang yang tidak menunaikan fardu sembahyang Jumat atau meminum sebarang minuman yang memabukkan boleh dihukum dibawah undang-undang ini,¹ namun peraturan itu tidak dikuatkuasakan. Ini kerana dari segi praktiknya susah dijalankan perkara-perkara seperti ini. Sesaorang yang wajib berpuasa tetapi memakan sebarang makanan atau minuman pada masa itu adalah melakukan kesalahan.² Disini kesalahan itu dilakukan samada sesaorang itu didapati makan ditempat sunyi atau pun dikhalayak ramai. Sesaorang yang hendak didakwa dibawah kesalahan ini hendaklah ditangkap semasa ia sedang makan atau minum. Tidak ada peruntukan dibuat untuk membolehkan sesaorang itu didakwa jika ia didapati membeli atau menjual barangan makanan untuk digunakan serta merta.

Mengenai kesalahan khalwat,³ hanya orang Islam yang berumur lapan belas tahun keatas sahaja yang boleh didakwa. Sesaorang lelaki itu melakukan khalwat jika ia didapati didalam keadaan bersunyi-sunyian dan berdekatan hingga menimbulkan syak dengan seorang perempuan dan sebaleknya. Begitu juga, sesaorang lelaki atau perempuan boleh didakwa kerana melakukan kesalahan zina⁴ jika ia sedang didapati sedang melakukan

¹ Enakmen, ss.111 dan 112.

² Ibid., s.113

³ Ibid., s.115.

⁴ Ibid., s.117.

persetubuhan dengan seorang lain yang berlainan sex. Persetubuhan yang haram diantara orang-orang bercerai boleh dilakukan didalam tiga keadaan. Pertamanya jika silelaki yang sudah menceraikan isterinya dan tidak melafazkan rujuk yang sah semasa berbalek. Keduanya bila silelaki telah menceraikan isterinya dengan talak tiga dan berbalek semula tanpa "Cina Buta". Ketiganya semasa berbalek itu isteri tidak tahu yang ia telah diceraikan.

Sesaorang yang mengadakan satu pernikahan diantara orang-orang beragama Islam tanpa mengikut syarat-syarat bahagian kedelapan dalam Enakmen ini adalah melakukan kesalahan.⁵ Segala pernikahan, penceraian atau kenyataan hendaklah diberitahu kepada Pendaftar.⁶ Segala kenyataan dan pengakuan itu hendaklah diberikan dengan benar.⁷

Sesaorang yang hendak mengajar agama hendaklah mendapat kebenaran dari pihak Majlis.⁸ Disamping itu, hanya orang yang ada kebenaran dari pihak Majlis sahaja dibenarkan mengeluarkan fatwa yang resmi, Mengikut s. 79(4) Enakmen Pentadbiran Ugama Islam (Pindaan) tahun 1975, barang siapa yang menjalankan tugas seolah-olah sebagai pegawai masjid dengan tidak ada kebenaran daripada Majlis adalah melakukan kesalahan.

⁵Ibid., s. 119.

⁶Ibid., s. 120.

⁷Lihat kes Pendakwa v. Ali bin Kasa.

⁸Enakmen, s. 125.

Pendakwa v. Mahmud bin Mohammad⁹

Sidituduh didakwa kerana melakukan kesalahan yang tersebut di atas. Ia didapati menjadi Imam tanpa kebenaran daripada Majlis pada 12.3.1976. Pihak pendakwa telah mengemukakan dua orang saksi iaitu dua orang polis. Didalam pembelaannya, sidituduh mengatakan bahawa dia menjadi Imam kerana desakan orang ramai sebab kebanyakan orang ramai di tempat itu tidak berapa suka kepada Imam yang bertauliah. Kadi telah memutuskan bahawa sidituduh bersalah dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$150.00 atau 45 hari penjara.

Mengenai kesalahan ini satu perkara yang mungkin timbul adalah apa kan terjadi jika pada suatu hari Jumaat, pegawai yang bertauliah telah uzur untuk menjalankan sembahyang Jumaat ? Tujuan mengadakan peraturan ini adalah untuk menghapuskan amalan orang ramai yang suka berpuak-puak didalam masyarakat yang timbul dari perbezaan fahaman politik dan juga sosial.

⁹Dibicarakan oleh Kadi di mahkamah pada 12.4.1976, no.8/76 KK.